**MINIT MESYUARAT MALAYSIAN ONLINE E-RESOURCES CONSORTIUM (MOLEC) BIL. 4/2011 PADA 24 OKTOBER 2011 (ISNIN), JAM 10.20 PAGI DI BILIK MESYUARAT PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TENAGA NASIONAL, BANGI**

**HADIR**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Dr. Nor Edzan Haji Che Nasir | UM | - | Pengerusi |
| Cik Sutarmi Kasimun | UM | - | Setiausaha |
| Pn. Azana Hj Abd Hadi | UPM | | |
| Pn. Azizah Zainal Abidin | UPM | | |
| Pn. Azlina Othman | USIM | | |
| Pn. Hasdarinar Abdul Jalal | UNiMAP | | |
| Pn. Hasmida Salleh | USIM | | |
| Pn. Marlina Kasiman | UTM | | |
| En. Mohammad Shukri Yaakub | MMU | | |
| En. Mohd. Khairul Naser Ibrahim | UTHM | | |
| En. Mohd Nizam Mahat | UNITEN | | |
| En. Muzaffar Shah Kassim | UPM | | |
| Pn. Nordiah Musa | UTHM | | |
| Pn. Pazilah Hamzah | UNiKL | | |
| Pn. Rabiatul Ahya Md Sharif | UTP | | |
| Pn. Ruzilah Ehsan | Agensi Nuklear Malaysia | | |
| Cik Ruzita Kamis | UKM | | |
| Pn. Sharifah Akmal Syed Abd Rahman | UMT | | |
| Cik Siti Khabshah Masrom | MMU | | |
| Pn. Sukmawati Muhamad | USM | | |
| Pn. Wan Kartini Wan Sulaiman | UPSI | | |
| En. Wan Suhaimi Ariffin | PPUKM | | |
| Pn. Yatimah Yaakub | PNM | | |
| Pn. Zaharah Ramly | UM | | |

| BIL. | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| 20 | **KATA-KATA ALUAN PENGERUSI**<br>Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran ahli MOLEC serta merakamkan penghargaan kepada pengurusan Perpustakaan Universiti Tenaga Nasional di atas kesudian menjadi hos Mesyuarat MOLEC kali ke-4 tahun 2011 | Makluman |
| 21 | **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MOLEC BIL. 3/2011**<br>Minit Mesyuarat MOLEC Bil. 3/2011 disahkan tanpa sebarang pindaan | Makluman |
| 22 | **PERKARA-PERKARA BERBANGKIT** | |
| | **22.1 Minit 18.2.3 Aktiviti 2011- Lawatan Penanda Arasan**<br>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan lawatan ke Korea. Pengerusi akan memurnikan kertas kerja yang disediakan oleh PPUKM dan seterusnya dimajukan kepada Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi. | Pengerusi |
| | **22.2 Minit 18.4 Latihan Penggunaan MyULIS**<br>Akan diadakan di UTEM bersempena dengan Bengkel Laporan Penggunaan Pangkalan Data | UPM |
| | **22.3 Minit 18.5 Minit Mesyuarat MOLEC**<br>Sebahagian besar minit telah dimuat naik ke portal rasmi PERPUN – MyUniNet iaitu mulai tahun 2000 sehingga 2006. Ahli MOLEC yang mempunyai salinan minit yang dinyatakan di bawah diminta menghantar kepada Cik Sutarmi (UM) memandangkan minit berkenaan tidak dapat dikesan.<br><br>1) Minit Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2000<br>2) Minit Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2001 (27/6/2001)<br>3) Minit Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2002 (29/3/2002)<br>4) Minit Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2002 (20/6/2002)<br>5) Minit Mesyuarat Bilangan 1-3 Tahun 2007 (28/3/2007, 22/5/2007, 23/11/2007) | Semua ahli, UM |
| | **22.4 Minit 18.6 Akaun Pentadbir MyULIS**<br>Mesyuarat dimaklumkan rekod jurnal dari sumber ULRICH telah dimuat naik ke dalam MyULIS. Oleh yang demikian, ahli tidak akan menghadapi masalah untuk mengesan ISSN jurnal di dalam MyULIS | Makluman |
| | **22.5 Minit 18.8 Senarai Induk Jurnal (*Journal Master List*) Peringkat Kebangsaan (UKM)**<br>Semua ahli sedang berusaha mendapatkan senarai jurnal mengikut format yang diminta En Shamsudin melalui emel bertarikh 7 Mei 2011. | UKM<br>Semua ahli |

| BIL. | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | **22.6 Minit 18.9 Langganan Science Direct**<br>Senarai tajuk duplikat, tajuk unik dan hasil analisa yang dibuat oleh Perpustakaan UNiMAP akan dihantar kepada semua ahli agar kajian lanjut dapat dijalankan supaya pertindihan tajuk langganan dapat dikurangkan.<br><br>Bagi mengelakkan pertindihan tajuk langganan, semua ahli diminta mengenalpasti *niche area* masing-masing. Pengerusi akan membawa perkara dalam Mesyuarat PERPUN. | UM, semua ahli<br><br>Pengerusi |
| | **22.7 Minit 18.10 Senarai Backfiles**<br>Wakil Perpustakaan UPM akan menghantar senarai terkini tajuk pangkalan data backfiles yang dibeli oleh Perpustakaan berkenaan | UPM |
| | **22.8 Minit 19.1 Lokasi Bengkel Laporan Penggunaan Pangkalan Data 2010**<br>Perpustakaan UTEM telah menyatakan persetujuan untuk menjadi hos Bengkel Laporan Penggunaan Pangkalan Data 2010. Mesyuarat bersetuju agar Bengkel diadakan pada 12 dan 13 Disember 2011. Tajuk pangkalan data dan Universiti pembentang adalah seperti berikut:<br>1) Scopus – UKM & UPM<br>2) EBSCO (ASP & BSC) – UTHM & UTM)<br>3) PQDT – UiTM<br>4) IEEE – UNITEN & MMU<br>5) NetLibrary e-book - UM<br><br>Tentatif pengisian yang dicadangkan adalah:<br>1) Bengkel Laporan Penggunaan Pangkalan Data (seperti di atas)<br>2) Latihan MyULIS (UPM)<br>3) Persembahan vendor (Thomson (Web of Knowledge), AccessDunia (Nature), Enche (WorldCatLocal))<br>4) Pembentangan senarai tajuk jurnal elektronik dalam PDK yang dilanggan (UKM)<br>5) Taklimat daripada penasihat undang-undang (akan dikenalpasti oleh Pengerusi) | |
| 23 | **23.1 Langganan Science Direct – Lesen Perjanjian dan Akses Kekal**<br>Terdapat pindaan terma dalam lesen perjanjian Elsevier yang tidak begitu jelas. Pada masa yang akan datang, akses kekal (perpetual access) tajuk yang berpindah penerbitan juga tidak akan diperolehi di mana keadaan ini merugikan institusi yang melanggan. | Pengerusi |
| | **23.2 Cadangan Langganan Pangkalan Data 2012-2014 Menggunakan Bajet KPT**<br>Ahli MOLEC IPTA diminta berbincang dengan Ketua Pustakawan masing-masing mengenai cadangan tajuk pangkalan data yang ingin dilanggan menggunakan bajet Kementerian Pengajian Tinggi bagi | Semua Ahli IPTA |

| BIL. | PERKARA | TINDAKAN |
| --- | --- | --- |
| | tahun 2012 hingga 2014. Beberapa ahli mencadangkan agar pangkalan data berikut dilanggan di bawah bajet ini iaitu:-<br><br>1) IEEE<br>2) ScienceDirect<br>3) Nature<br>4) JSTOR<br><br>Ahli yang ingin mencadangkan tajuk-tajuk lain akan diminta mengemukakannya kepada Cik Sutarmi sebelum 1 November 2011. | |

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari.